

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 13/10/2009

Najib boleh campur tangan pergolakan MCA selaku Pengerusi BN - Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 12 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak boleh campur tangan bagi menyelesaikan pergolakan yang berlaku di dalam MCA.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu boleh dilakukan selaras dengan kedudukan Najib sebagai Pe-

nggerusi Barisan Nasional (BN).

"Sebagai Pengerusi BN, sepatutnya kita boleh campur tangan dalam komponen parti, tetapi bukan sebagai Presiden UMNO.

"Saya mesti membuat pengakuan, ketika saya Pengerusi BN, saya juga campur tangan (dalam komponen parti). Buat belakang tabir secara senyap-senyap dan

bukan dengan terbuka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri pelancaran buku *Amanat Presiden UMNO 1946-2009* yang oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini.

Mesyuarat agung luar biasa (EGM) MCA Sabtu lalu meluluskan bebe-

rapa resolusi termasuk undi tidak percaya kepada Presidennya, Datuk Seri Ong Tee Keat dan membatalkan keputusan Majlis Presiden untuk memecat Timbalannya, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek daripada parti itu.

Menurut Dr. Mahathir, nasihatnya supaya UMNO tidak campur tangan dalam krisis MCA kerana terdapat

pihak tertentu yang agak sensitif.

Mengenai ucapannya berkaitan Alahyarham Datuk Onn Jaafar yang mengundurkan diri daripada mengetuai UMNO setelah cadangannya membuka keanggotaan parti kepada bukan Melayu ditolak, beliau berkata, langkah itu dilakukan kerana sikap pemimpin berkenaan yang

'gentleman' (berbudi bahasa).

"Sebagai seorang 'gentleman', bila dia sudah tidak lagi dapat sokongan, dia tarik dirilah secara terhormat.

"Saya sebut Datuk Onn. Kalau kita hendak ambil iktibar bolehlah. Bukan Datuk Ong Tee Keat sahaja, yang lagi seorang itu pun (Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu)," katanya.

um - 13/10/2009